

## Ilmu Perubatan Melayu Tradisional dari Naskhah-Naskhah Lama

### Traditional Malay Medicine from Old Malay Texts

HARUN MAT PIAH

#### ABSTRAK

*Makalah ini membicarakan ilmu perubatan Melayu Tradisional dari sumber tertulis iaitu manuskrip-manuskrip atau naskhah-naskhah lama Melayu yang tersimpan dalam pelbagai koleksi dunia. Sumber utama ialah dari koleksi Pusat Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia yang menyimpan sekitar 40 naskhah dengan judul atau dalam kategori "Kitab Tib". Skop perbincangan termasuk kandungan beberapa naskhah Kitab Tib yang dipilih, liputan dari segi nama dan bentuk penyakit, kaedah rawatan, ubat, proses pembuatan ubat, bahan dan ramuan, kaedah penggunaan, pantang larang dan cara pencegahan penyakit. Dibicarakan juga khasiat perubatan beberapa jenis ramuan, khususnya dari jenis herba yang ada hubungannya dengan pengubatan dan pemakanan untuk kesihatan secara umum. Rujukan khusus perbincangan ini ialah Kitab Tajul Muluk, sebagai sebuah kitab tib yang tipikal dan Kitab Tib – Ilmu Perubatan Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia 2006 hasil dari kajian dan selenggaraan penulis; sementara pemilihan aspek dan item yang di bincang ialah yang mempunyai perkaitan dan kerelevanannya dalam konteks kehidupan masyarakat Malaysia masa kini.*

*Kata kunci: Perubatan tradisional Melayu, manuskrip Melayu; Kitab Tib; masyarakat Melayu*

#### ABSTRACT

*This article discusses knowledge of Malay traditional medicine from written sources such as manuscripts or old Malay texts kept in various collections in the world. The principal source is the collection of the Centre for Malay Manuscripts, National Library of Malaysia which holds approximately 40 titles on "Kita Tib" or traditional medicine. Scope of discussion includes the contents of several selected Kitab Tib, encompassing names and types of diseases, method of treatment, remedies, process of preparing remedies, materials and ingredients used, method of application, taboos and ways of preventing diseases. Also discussed are nutritional value of a number of remedies in general, particularly those from herbs associated with medicine and nutrition for health. The discussion makes particular reference to Kitab Tajul Muluk, a typical text on traditional medicinal and the Kitab Tib – Ilmu Perubatan Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia 2006 which was published from the author's research; whereas the selection of topics and items discussed are connected and relevant in the context of contemporary life of Malaysian society .*

*Keywords: Malay traditional medicine; Malay manuscripts; Kitab Tib; Malay society*

#### PENGENALAN

Istilah perubatan tradisional di sini ialah untuk membezakan dengan lain-lain istilah yang membawakan konsep dan amalan yang berbeza antaranya perubatan moden, perubatan alternatif, perubatan Islam, perubatan kesufian, perubatan homeopati, perubatan etnik dan lain-lain. Konsep tradisional selalu dihubungkan dengan makna lama dari segi zaman kewujudan dan kehadirannya dalam sesuatu tamadun bangsa. Selain itu aspek kelangsungannya dalam masyarakat itu berterusan dari zaman lampau, zaman kini dan zaman akan datang. Tradisional juga merujuk kepada ciri-ciri tersendiri yang berbeza dengan yang lain. Perubatan

Melayu Tradisional misalnya mempunyai satu set sistem dan pendekatan yang eksklusif dari segi konsep terhadap penyakit, mendiagnosis penyakit, merawat penyakit, mengubat penyakit, pantang larang dan cara mengelak penyakit, demikian juga kaedah rawatan, ramuan dan proses pembuatan ubat, istilah-istilah yang digunakan dan lain-lain aspek secara keseluruhan.

#### WAHANA DAN SUMBER PERBAHANAN

Kajian dan pengetahuan terhadap ilmu perubatan Melayu tradisional terdapat dalam kedua-dua sumber, lisan dan tulisan. Namun demikian

kebanyakan buku atau tulisan mengenai bidang ini setakat ini lebih banyak dihasilkan dari sumber lisan, melalui kajian lapangan, umumnya terhadap pengamal perubatan ini, baik dari kalangan bomoh atau tabib profesional mahupun dukun atau individu amatur, dilakukan pada masa kini atau pada masa lalu. Tujuan kajian mungkin untuk keperluan akademik universiti atau untuk penerbitan buku, makalah bagi bacaan umum atau untuk kegunaan para pengamal perubatan itu sendiri. Walaupun terdapat buku-buku yang diterbitkan berdasarkan manuskrip, tetapi jumlahnya amat sedikit, sebagai contoh misalnya *Warisan Perubatan Melayu* (Abdul Samad Ahmad 1983). Sementara karya Abdul Razak Karim (2008), *Manuskrip Pontianak dari Laras Bahasa Perubatan* lebih membicarakan aspek bahasa, bukan perubatan dan penyakit seperti dalam manuskrip yang digunakan.

Dalam pada itu perlulah ditekankan bahawa bidang ilmu perubatan ini terdapat dalam korpus yang lebih besar, luas dan pelbagai diabadikan dalam bentuk tulisan, khususnya melalui naskhah atau manuskrip Melayu yang tersimpan dalam pelbagai koleksi Dunia. Setakat ini dianggarkan khazanah ini berjumlah sekitar 22,000 naskhah, termasuk 4,000 naskhah di Pusat Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia dan yang lain di Dewan Bahasa dan Pustaka, Universiti Malaya, muzium-muzium negeri, Johor, Kelantan, Terengganu dan Kedah, di luar negara di Indonesia (Muzium Nasional Jakarta, Muzium Aceh, Riau, Medan), Brunei Darussalam, Sri Lanka, di Eropah, Perancis, Belgium, Belanda (Leiden, Hague, Amsterdam), di Jerman, Russia (Moscow, Leningrad), England (Cambridge, Oxford, London) di Amerika Syarikat (Library of Congress) dan mungkin di Portugal, Sepanyol dan lain-lain. Masih terdapat maklumat kewujudan manuskrip Melayu, milik perseorangan atau institusi; misalnya dikatakan 2,000 naskhah di Institut Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC) yang belum dikaji dan disebar untuk pengetahuan umum. Naskhah-naskhah dalam bidang ilmu perubatan berjumlah sekitar 100 naskhah, terdapat dalam koleksi Dunia. Kebanyakannya tertulis sekitar tahun-tahun 1820 hingga 1870-an.

Khazanah naskhah yang berjumlah lebih 20,000 itu mengandungi pelbagai aspek kehidupan, menyentuh sejarah dan ketamadunan manusia Melayu pada zaman-zaman berkenaan; namun secara dasar dapat dirangkum pada kata kunci "ilmu"; ertinya keseluruhan isi, kandungan dan liputan perbincangan membawa konotasi ilmu,

baik ilmu yang diperoleh melalui pembelajaran formal, mahupun yang tidak formal iaitu melalui proses sosialisasi, ilham, pengalaman, pemerhatian dan mungkin ilham dan mimpi. Kandungan ilmu ini dapat dicerna melalui pembahagian yang dibuat terhadap genre sastera yang seterusnya memperlihatkan pembahagian naskhah-naskhah itu ke dalam bidang-bidang yang umum seperti yang terlihat dalam katalog dan senarai koleksi. Pembahagian yang diterima umum setakat ini ialah seperti di bawah:

1. Cerita atau naratif: sastera rakyat; sastera epik; sastera hikayat; sastera sejarah; dan sastera kenabian (ceritera para nabi dan tokoh-tokoh Islam)
2. Bukan cerita: sastera kitab; sastera undang-undang dan ketatanegaraan; dan sastera sains dan teknologi tradisional (kepercayaan ilmu atau epistemologi tradisional). Kedua-dua bidang, cerita dan bukan cerita terdapat dalam kedua-dua bentuk: prosa dan puisi.

Secara umum bidang cerita atau naratif mengandungi ilmu yang diterapkan melalui karya dalam genre berkenaan. Ilmu kemanusiaan dan kemasyarakatan melalui sastera rakyat, lipur lara, epik dan hikayat. Ilmu sejarah dan ketamadunan melalui sastera sejarah atau historiografi tradisional, termasuk mitos dan legenda. Ilmu agama dan falsafah melalui sastera para nabi dan tokoh-tokoh Islam termasuk anekdot sekitar kehidupan para wali dan ahli-ahli sufi. Keseluruhan ilmu diterapkan melalui persepsi berdasarkan nilai dan pandangan semesta masyarakat, baik pada zaman berkenaan mahupun masa kini, malah masa akan datang.

Ilmu yang diperoleh secara formal diterapkan melalui sastera kitab (ilmu agama, tauhid, fikah, tajwid, falak, faraid, perundangan, tasawuf, sufi, falsafah, teologi, kosmologi, metafizik, dan moral). Demikian juga ilmu undang-undang, kanun, adat, peraturan, pemerintahan dan politik melalui sastera undang-undang dan ketatanegaraan, peraturan, adat dan adab raja-raja. Sementara sastera sains dan teknologi tradisional menerapkan ilmu bahasa, ilmu hisab, ilmu bintang, ramalan dan penujuman (termasuk raksi dan ta'bir mimpi), ilmu firasat, ilmu pertukangan dan kesenian, ilmu perubatan dan ilmu berahi (seksologi, erotik).

Secara analisis kandungan ilmu ini dapat disenaraikan seperti di bawah:

1. Ilmu Ramalan dan Penujuman
  - (a) Ramalan Rejang

- (b) Ramalan bintang (ilmu bintang, ilmu nujum)
- (c) Ramalan melalui firasat (ilmu firasat)
- (d) Ramalan melalui mimpi (ta'bir mimpi)
- (e) Ramalan melalui raksi (ilmu raksi, laksana atau raksi jodoh)
- (f) Ramalan melalui padah atau *katurangga*
- 2. Ilmu perubatan, perdukunan dan perbomohan
- 3. Ilmu berahi, panduan seks dalam perkahwinan.
- 4. Ilmu bahasa, tatabahasa dan penulisan surat kiriman
- 5. Ilmu hisab atau hitungan
- 6. Ilmu pertanian, tanaman dan ternakan
- 7. Ilmu bedil, membuat peluru dan teknik menembak
- 8. Ilmu pertukangan termasuk rumah dan senjata tajam
- 9. Ilmu kesenian, termasuk perwayangan, lagu dan tarian.
- 10. Lain-lain, misalnya mengenai ayam sabungan

#### ILMU PERUBATAN DARI NASKAH-NASKAH LAMA

Sebahagian besar daripada korpus yang membicarakan ilmu perubatan tertulis dalam tulisan Jawi, melalui manuskrip-manuskrip yang dikenali atau diberi judul “Kitab Tib” yang pada dasarnya merujuk kepada perubatan, tabib, penyakit dan ubat; tetapi dalam kebanyakan teks, kitab tib juga mengandungi pelbagai ilmu, termasuk ilmu perubatan, ilmu ramalan rejang, rakasi, ta'bir mimpi dan ilmu berahi. Dan selain daripada yang tertulis dalam kitab-kitab tib, terdapat juga dalam judul atau kategori lain, misalnya kitab mujarabat, kitab rejang, raksi (misalnya *Syair Laksana Kita*) atau hikayat, misalnya *Hikayat Nurul Lisan Menjawab Masalah* dan sebuah kitab tib yang tipikal *Kitab Tajul Muluk* yang telah begitu lama dikenali dalam masyarakat Melayu. Kitab atau bahagian daripada ilmu ini juga telah dikemukakan oleh tokoh-tokoh penulis atau ulama silam, seperti dalam *Kitab Bustanus Salatin* oleh Syeikh Nuruddin al-Raniri (1656), demikian juga Kitab Tayb oleh Syeikh Abdullah Ahmad al-Fatani. Ilmu tib ini juga terdapat dalam sumber-sumber lain, khususnya Arab dan Parsi, misalnya sebuah karya terjemahan *Tatacara Penjagaan Kesihatan Menurut Ibnu Sina* (Mohd. Hilmi Bin Abdullah 2006). Dalam sumber-sumber Arab dan Parsi agak umum didapati naskhah-naskhah yang

membicarakan ilmu perubatan, misalnya dalam kategori al-qanun al tibb, nabatat al-tibbiyyah dan lain-lain.

#### KANDUNGAN DAN PERSOALAN

Melalui kajian dan perbandingan, skop perbincangan dalam ilmu perubatan khususnya dalam subgenre Kitab Tib Melayu adalah seperti berikut:

1. Pengenalan kepada ilmu tabib; syarat menjadi tabib; cara mengenal penyakit, penggunaan ilmu ramalan, Bintang Dua Belas, “saat” dan “ketika” dan sebagainya dalam mengenal atau mendiagnosis penyakit.
2. Petua-petua umum untuk kesihatan diri, misalnya menjaga makan dan minum, menjaga tidur, menjaga pergerakan diri, perlunya rehat dan riadah, memelihara wati, kebersihan diri, menjaga emosi dan lain-lain.
3. Penyakit berhubung dengan syaitan dan jin yang memerlukan rawatan melalui penggunaan doa, jampi dan mantera; misalnya tawar bisa, kerasukan syaitan, gangguan makhluk ghaib, sakit jiwa, gila dan sebagainya.
4. Penyakit biasa, terkena dan hidapan, termasuk kepialu, sakit perut, muntah atau berak darah, batuk, esak, resdung, penyakit kulit, sakit anggota tubuh, mata, telinga dan lain-lain. Rawatan untuk penyakit ini terdapat dalam pelbagai kaedah, ramuan ubat dan cara rawatan, tetapi umumnya menggunakan bahan, herba dan lain-lain jenis tumbuhan, selain doa, jampi dan tangkal azimat.
5. Penyakit syahwat dan tenaga batin  
Bahagian ini merupakan antara yang penting dalam ilmu perubatan Melayu, antaranya seperti yang disebutkan dalam *Kitab Tajul Muluk* dan beberapa buah teks, antaranya MSS 489, 1292, 2219 dalam koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. Sebahagian besar berhubung masalah seks, syahwat dan tenaga batin, seperti lemah zakar, faraj berair, dan lain-lain. Selain daripada itu terdapat pula huraian tentang cara-cara wati, jimak atau perisetubuhan yang baik menurut pandangan Islam dan sunah Rasulullah. Bahagian ini mengisi teks-teks lain yang berjudul “kitab jimak”, rukun jimak, bahr al-nisa dan sebagainya.
6. Bahan dan khasiatnya untuk pengubatan penyakit dan pemakanan, memberikan khasiat bahan-bahan, herba dan benda yang digunakan

untuk pelbagai penyakit; misalnya halia untuk menawar racun, menghancurkan balgham, menambahkan daya ingatan, melawaskan kencing, menambahkan syahwat dan menambah selera makan. Lengkuas juga untuk membuang balgham, menguatkan syahwat, membaiki bau mulut, menghilangkan sakit urat, menghentikan bersin, mengeluarkan angin dari dalam perut. Demikian seterusnya huraian lebih daripada seratus bahan, benda dan herba.

7. Pembicaraan Lain: Rejang, raksi dan ramalan: terdapat dalam beberapa teks yang membicarakan perkara-perkara yang umum dalam ilmu ramalan dan penujuman; antaranya rejang ketika atau rejang tiga puluh hari, raksi jodoh, ta'bir mimpi dan cuaca untuk mengelakkan gangguan binatang-binatang perosak, tikus, babi dan lain-lain.

#### BEBERAPA NASKHAH PILIHAN

Dari sekitar 40 judul yang terdapat dalam koleksi Perpustakaan Negara Malaysia, dari isi kandungan dapat dikatakan umum, di samping beberapa kelainan antara sebuah naskhah dengan yang lain, misalnya dari segi jumlah halaman, jenis-jenis penyakit, kaedah rawatan dan kehadiran persoalan yang lain daripada perubatan; dipetik beberapa naskhah dan kandungannya di bawah ini:

1. MS 300: 331 halaman, mengandungi pengubatan dan rawatan penyakit-penyakit, baik dari sebab syaitan dan jin (jenis A) mahupun penyakit-penyakit biasa (jenis B). Pembicaraan tidak mempunyai sistem atau susunan tertentu, baik dari jenis penyakit, bahagian anggota, jenis dan cara pengubatan dan sebagainya. Sebaliknya semua penyakit dinyatakan secara rawak, dengan ubat dan cara rawatan, baik secara ringkas beberapa baris (bagi sejenis penyakit) atau secara terperinci, dalam beberapa baris atau halaman.
2. MS 747: 90 halaman; membicarakan kedua-dua sumber penyakit, hantu-syaitan, juga pengubatan farmakologi. Sebahagian jampi-mantera menunjukkan pengaruh awal, tetapi agak sukar dibaca, misalnya mantera untuk penyakit sawan, puru dan lain-lain. Pada bahagian pengubatan penyakit biasa, ramuan ubat dan cara rawatan agak umum seperti dalam sumber-sumber lain, misalnya sakit kepala, meroyan, kesukaran ketika melahirkan

anak, muntahkan darah, kencing darah dan sebagainya. Di bahagian akhir dibicarakan pula "fasal pada menyatakan bilang rejan (rejang) pada sebulan tiga puluh hari, masing-masing kadar namanya, baik dan jahat adalah di dalamnya. Pertama, sehari bulan rejangnya kuda; dua hari bulan rejangnya kijang; tiga hari bulan, harimau, empat hari bulan, kucing; lima hari bulan simpai dan seterusnya, iaitu hampir sama seperti lain-lain teks rejang (misalnya Add. 37080, *School of Oriental and African Studies, London*). Ada pembicaraan tentang perjalanan hulubalang, ketika-ketika yang baik untuk berjalan dan menghadapi peperangan.

3. MS 758: 28 halaman; bersaiz kecil, tetapi tulisannya kecil dan rapat, tergolong cantik dan mudah dibaca. Kandungannya lengkap dengan adanya halaman awal dan akhir. Tertulis atau disalin pada 7 Rejab 1312 H bersamaan 4 Januari 1895. Teks ini menarik dari segi urutan pembicaraannya, misalnya bagi suatu penyakit diberikan huraian tentang sebab, akibat dan ubatnya. Cara membubuh atau menggunakan ubat, diikuti doa jampi (mantera), serta diikuti azimat, tangkal dengan rajahnya sekali.
4. MS 1078: 70 halaman; tidak lengkap, tiada awal dan akhir. Membicarakan penyakit dari jenis A dan B. Terdapat nama bahagian-bahagian anggota manusia yang dihubungkan dengan Allah, misalnya, kepala: prisma Allah; mata: cermin Allah; telinga: pendengar Allah; hidung: jalan Allah; mulut: puji Allah; lidah: kalam Allah dan seterusnya. Bahagian berikutnya membicarakan penyakit dan ubat puru dengan terperinci, bersama rajah atau lakaran yang menarik. Diikuti beberapa penyakit lain, bercampur aduk dengan perubatan biasa dan jampi mantera.
5. MS 1292: 142 halaman; tidak lengkap, tiada awal dan akhir. Disalin oleh Haji Mahmud al-Jawi, orang Terengganu pada 26 hari bulan Rabiulawal 1235 H (Januari 1820 M) di negeri Fatani, daerah Sungai Tok Kali, di Pejut. Tapi selepas itu masih ada catatan tambahan yang tidak pasti sama ada dari sumber lain atau yang sama. Membicarakan pelbagai penyakit dari jenis A dan B; antara lain fasal pada menyatakan membuang darah, ubat sakit kepala, berbaiki rambut, hingga kepada mengeraskan zakar, menguatkan jimak, melindungi isteri daripada sukakan laki-laki lain dan sebagainya.

6. MS 1653: 76 halaman; lengkap, dari awal hingga akhir. Ada kolofon, tetapi tidak menyebutkan nama pengarang dan tarikh disalin. Bagaimanapun penulis menyatakan naskhah ini adalah salinan yang kelapan. Tulisan cantik dan konsisten, mudah dibaca dan menampakkan unsur baharu atau moden. Mengandungi pengubatan penyakit dari jenis A (penggunaan jampi dan mantera) dan B (penggunaan ramuan dan herba), bersama doa dalam bahasa Arab, kebanyakannya berupa ayat-ayat al-Quran.

Terdapat cara pengubatan berupa tangkal dan azimat yang biasa; misalnya doa dari ayat-ayat al-Quran, ditulis dengan dakwat di pinggan putih, di hapus dengan air dan diminum. Dan yang luar biasa; misalnya meletakkan kepala kelawar di bawah bantal isteri kemudian dibawa berjimak, akan menghalang daripada beranak. Atau lidah katak hijau, diletakkan di belakang atau atas dada isteri supaya ia menceritakan rahsianya ketika dalam tidur.

7. MS 2219. 44 halaman dengan tiga halaman tambahan selepas kolofon; lengkap. Disalin oleh Haji Ismail Bin Haji Mustafa dari Pontianak pada hari Rabu 5 Zulkaedah 1325 H (10 Disember 1907) di Kampung Tembalan. Membicarakan pelbagai jenis penyakit, umumnya dari jenis B, antaranya sakit hati, sakit perut, sembelit, mejan, senggugut, meroyan, busung, busung darah, tidak datang haid, keputihan dan lain-lain. Agak terperinci dan mendalam pada membicarakan penyakit dan masalah berhubung syahwat dan tenaga batin; misalnya kepada perempuan yang “sejuk farajnya”, rawatan supaya kembali seperti dara; supaya sendat; kepada perempuan yang banyak airnya; yang jahat rasanya lagi lendir; supaya hangat lagi nyaman dan lain-lain.

Untuk laki-laki termasuk rawatan penyakit karang, kencing darah, batu-batuan dan lain-lain. Kemudian rawatan tenaga batin seperti “ubat kuat zakar”, menderaskan mani, menambah mani, ubat kuat zakar lagi panjang; diikuti ubat membuat majun untuk menambahkan kekuatan tenaga batin.

8. MS 2515: 232 halaman; 21.4x16.8 sm. Lengkap dari awal hingga akhir. Berkemungkinan disalin oleh Ibrahim bin Muhammad Fabian yang juga pemilik asal naskhah ini. Membicarakan pelbagai penyakit umumnya dari jenis B, dapat dianggap sebagai paling baik, lengkap

dan representatif dari segi kandungan kitab. Mengandungi pendahuluan tentang maksud penulisan, syarat-syarat menjadi tabib, cara mengenal penyakit, meramalkan keserasian ubat serta mampu atau tidaknya bomoh tersebut mengubat pesakit. Dalam bahagian penyakit dan ubat, didapati juga penyakit dan rawatan untuk pelbagai penyakit, walaupun lebih banyak menumpukan kepada penyakit dan ubat kepialu. Urutan pembicaraan juga menarik, dengan proses pengubatan dan pembuatan ubat. Diberikan contoh untuk penyakit kepialu (halaman 51):

Bab ini fasal pada menyatakan peri mengetahui akan penyakit kepialu atasnya tiga perkara demamnya. “Pertama, af”`alnya sakit perutnya atau senak seperti kena cika lakunya dengan tiada sesuatu sebab itu tetapi bukannya cika. Itulah kepialu asalnya daripada sebab angin bercampur dengan darah. Kedua perkara, demamnya itu maka keluarlah peluhnya pada tubuhnya itu dan kakinya dan tangannya sejuk dan rengkungnya maka peluh pada dadanya itu seperti air merah. Dan ketiga perkara, ia demam itu tiadalah khabar akan dirinya baik dan jahat maka kepialu yang ketiga perkara seperti yang tersebut itu sukarlah tabib mengubati dia tetapi cubakanlah ubat ini. Ambil pasir maka rendang beri hangat sudah itu maka ambil cuka tuangkan kepada pasir yang hangat yang direndang itu maka bungkus dengan perca maka tuamkan pada seluruh tubuhnya, afiat”.

#### DARI JUDUL LAIN

Selain daripada yang berjudul Kitab Tib, ilmu-ilmu perubatan juga terdapat dalam teks-teks dalam judul atau petunjuk yang lain. Satu cabang yang penting dalam ilmu tib ialah ilmu jimak, iaitu yang berhubungan dengan hubungan kelamin atau persetubuhan suami-isteri. Teks-teks ini membicarakan cara atau syarat yang baik dalam melakukan jimak yang umumnya berdasarkan syariat Islam dan sunnah Rasulullah SAW. Teks-teks ini umumnya memakai judul “kitab jimak” atau “rukun jimak”, “Bahr an-Nisa”, “ilmu an-nisa” atau tanpa judul. Kandungan atau isinya hampir sama malah merupakan sebahagian daripada bab yang membicarakan tentang jimak yang terdapat dalam kitab-kitab tib yang dibicarakan di atas.

Selain koleksi Perpustakaan Negara yang dikemukakan di atas, terdapat versi-versi lain seperti “Ubat Tradisional” versi Muzium Terengganu, “Kitab Ubat Tradisional” versi Yayasan Warisan Johor, fragmen-fragmen yang berasingan seperti dalam koleksi National Archive Sri Lanka dan beberapa yang lain. Sebuah versi yang mengandungi lebih 500 halaman sedang diselenggarakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka memberikan beberapa aspek yang menarik, akan disentuh dalam makalah ini kemudian.

## BEBERAPA CIRI YANG MENARIK UNTUK PERBINCANGAN

### JENIS PENYAKIT DAN KAEDAH RAWATAN

Dalam membicarakan penyakit, ubat dan rawatan terdapat sedikit kelainan dalam jenis penyakit dan kaedah rawatan. Selain penyakit-penyakit yang disenaraikan dalam MS 2515 (*Kitab Tib* (PNM 2006), *Kitab Tib* versi Terengganu menumpukan kepada penyakit-penyakit di bawah ini:

1. Penyakit kulit: kulit ayam atau badam; cericik; luka; kayap
2. Sakit dalam perut: sakit perut; mising; wasir (buasir); sembelit; sukar ke sungai besar
3. dan kecil; cacing
4. Sakit anggota: sakit mata; sakit gigi; sakit telinga; sakit leher (bengkak cantik)
5. Sakit dalam badan: mulut busuk; medu; sanglar (atau sangkar ?); barah batu; sapan; pitam; sedung; gila; pirai; senak; esak (lelah); batuk; sakit di dalam tubuh; restung
6. Sakit sebab demam: serawan (sawan); kepialu; dahaga air
7. Penyakit hidapan yang lain: banyak balgham (kahak); sedu (tanpa sebab); hilang nafsu makan.

Secara perbandingan, penyakit-penyakit yang disebut dalam teks ini, hampir sama dengan versi-versi lain termasuk MS 2515 yang digunakan sebagai teks dasar dalam buku ini.

Penyakit-penyakit lain yang tidak dibicarakan termasuk:

1. penyakit-penyakit yang dihubungkan dengan hantu-syaitan
2. penyakit puan: senggugut, meroyan dan lain-lain yang berhubung dengan syahwat dan tenaga batin

3. penyakit tuan: karang atau karang-karangan dan lain-yang berhubung dengan syahwat dan tenaga batin.

Penyakit-penyakit yang kemudian ini terdapat pula dalam bahan lain, termasuk MS 2515 Perpustakaan Negara; Buku *Ilmu Warisan Perubatan Melayu* dan *Kitab Tajul Muluk* yang digunakan bersama dalam kajian ini.

Dalam membincangkan penyakit, teks-teks ini memberikan huraian yang biasa seperti dalam teks-teks lain. Terdapat huraian yang pendek, ringkas bagi sesuatu jenis, di samping yang panjang dan terperinci untuk penyakit lain, dipetik dua contoh di bawah ini:

Bagi penyakit batuk MS 2515 menerangkan demikian

Sebagai lagi ubat batuk atau esak maka ambil akar kecubung berat setahil dan akar gandarusa berat setahil dan akar gelang sumbu berat setahil dan akar tanjung berat setahil sepuluh emas dan akar kirai berat setahil dua emas maka semuanya itu direndamkan maka giling lumat-lumat maka masukkan ke dalam air nyiur hijau maka tutup dengan tanah liat maka tanam ke dalam tanah maka bubuh api di atasnya tujuh hari kering-kering maka direndamkan maka bubuh air madu maka kelik jadikan tujuh belas biji jamu beri kering-kering maka direndamkan ke dalam cuka yang masam tiga hari maka makan pagi-pagi dan petang sehari, aflat.

Sebagai lagi ubat batuk atau esak ambil daun gandarusa segenggam erat jangan bernafas, maka giling lumat-lumat jangan bubuh air maka perah ambil patinya maka ambil minyak tanak atau minyak bijan maka minum, aflat.

Bagi penyakit angin sanglar (MS Terengganu halaman 97-98): menyatakan:

Sebagai lagi ubat angin sanglar pada seseorang manusia yang sakit pada waktu malam mula-mula sakitnya itu, maka datang sakitnya itu berasa sejuk seperti tiada terhingga lagi sejuknya itu, tiada dapat terbuka kain, atau datang ketar tiada berhingga lagi ketarnya itu; inilah alamatnya angin yang besar yang masuk pada peparu orang itu; maka apabila datang ketarnya yang seperti itu nescaya datanglah lemah segala anggotanya itu hingga jadilah mati sekalian tubuhnya atau kaki tangannya orang itu; maka inilah ubat yang diberi minum. Ambil lada sulah berat setahil dan halia berat setahil dan bawang putih berat setahil dan jintan kedua berat setahil dan kunyit tengah tahil dan temu kunci berat setahil dan kulit buah maja berat setahil dan cengkkih berat setahil dan jadam berat lima emas. Sekalian itu rebus, airnya tiga cupak tinggal secupak maka beri minum pada orang itu. Sudah minum ubat itu, hendaklah kita damahkan sekalian tubuhnya itu; insya Allah Taala, aflat.

Bagi penyakit-penyakit yang berhubung dengan syahwat, tenaga batin, sakit puan dan sakit tuan mungkin didapati dalam teks yang sama, seperti dalam *Kitab Tajul Muluk*, atau dalam teks-teks

dengan judul khusus, Kitab Jimak, Babul Jimak, dalam subjudul “Bahr An-Nisa”. “Ilmu An-Nisa” atau tanpa judul.

Pada membicarakan penyakit dan masalah berhubung syahwat dan tenaga batin; misalnya kepada perempuan yang “sejuk farajnya”, rawatan supaya kembali seperti dara; supaya sendat; kepada perempuan yang banyak airnya; yang jahat rasanya lagi lendir; supaya hangat lagi nyaman dan lain-lain. Teks yang lebih lengkap untuk bahagian ini mungkin *Kitab Perhimpunan Gunawan Bagi Laki-Laki dan Perempuan* tulisan Khatijah Terong (Ding Choo Ming 2002).

Untuk laki-laki termasuk rawatan penyakit karang, kencing darah, batu-batuan dan lain-lain. Kemudian rawatan tenaga batin seperti “ubat kuat zakar”, menderaskan mani, menambah mani, ubat kuat zakar, lagi panjang; diikuti ubat membuat majun untuk menambahkan kekuatan tenaga batin. Dipetik sebuah contoh (hal. 34-35):

Sebagai lagi ubat kuat zakar. Ambil hempedu kambing jantan yang belum dikebiri. Masukkan ke dalam lada putih 99 butir; kemudian jemurkan hingga kering. Setelah itu maka apabila hendak jimak, maka makan sebutir sepagi sebelum makan barang makan. Maka ambil liurnya bubuh pada hujung qalam kita, diperbuat lima pagi atau tujuh pagi. Adapun tatkala makan ubat itu sebelum fajar. Maka mandi berendam dahulu serta urut segala tubuh dan pegang serta naikkan urat syahwat itu. Setelah sudah maka naik, makan ubat itu.

Selain membicarakan penyakit dan ubat terdapat teks yang berbicara dari aspek bahan, khususnya herba dan khasiatnya secara berasingan. *Hikayat Nurul-Lisan Menjawab Masalah* menyampaikan pembicaraan ini secara interaktif, melalui dialog watak utamanya Nurul-Lisan (seorang jariah berusia 14 tahun) dengan sekumpulan ilmuwan termasuk ulama, hukama dan tabib-tabib yang handal. Dipetik sedikit contoh di bawah:

(Kata tabib) “Khabar kepada aku daripada darjah *zanzibal* (halia) dan penggunaan satu perkara ia kepada penyakit apa. (Jawabnya), “Hai tabib, dengar olehmu. Bahawasanya halia itu tiga darjah panas dan dua darjah kering. Dan pgunaannya menghilangkan ia akan racun dan menghancurkan balgham dan menambahi ingat dan mengeluarkan air kencing dan memberi kuat syahwat dan apabila dimakan nescaya menegah daripada turun air liur daripada mulut dan menyempurnakan makanan serta membukakan nafsu kepadanya dan jika dikemam daripada airnya nescaya hilang daripada berdarah lidah dan menghilangkan sejuk hati dan jika ditempek pada tempat yang kena bisa binatang maka berhenti sakitnya dan melicinkan suara apabila dimakan tatkala hendak tidur”. (Kata tabib), “Daripada *khulanjan* (lengkuas)”. Jawabnya, “Tiga darjah panas dan satu darjah kering, Pgunaannya menghuraikan angin dan menghancurkan balgham dan menyempurnakan

makanan dan memberi kuat syahwat dan membaikkan bahu mulut dan menghilangkan lendir yang jadi daripada muadah (kisaran memberi hancur makanan) serta membaikkan dia dan menghilangkan daripada sakit urat daripada leher hingga ibu kaki dan menghilangkan *duas* (tiada puas kencing atau melelehnya) dan jika dicium debunya nescaya memberhentikan bersin dan memberi baik tabiat dan mengeluarkan angin yang sebak di dalam perut dan mudah keluar najisnya.

#### PENAMAAN DAN PENGGUNAAN RAMUAN

Selain membicarakan penyakit dan ubat, aspek lain yang menarik ialah dalam penggunaan tumbuh-tumbuhan sebagai ramuan ubat dan rawatan penyakit. Ramuan ini termasuk pelbagai jenis herba, akar kayu dan lain-lain benda yang hidup atau bernyawa dan yang tidak bernyawa. Contoh terbaik ialah pada nama-nama tumbuh-tumbuhan, dari jenis pokok, pokok renek, rumpai, herba dan lain-lain. Seterusnya dinyatakan secara spesifik bahagian-bahagian yang digunakan termasuk batang, akar, ubi, isi, umbut, kulit, daun, pucuk atau pokok tersebut seluruhnya. Tumbuh-tumbuhan ini diberi nama yang khas, berbeza antara satu dengan yang lain dan kebanyakannya dapat diselaraskan dengan istilah-istilah botani atau saintifik bagi item tersebut dan nama-nama ini didapati sama, “standard” atau baku dalam kebanyakan teks dalam subgenre ini.

Sebagai contoh, untuk ubat sakit angin sanglar di atas tadi disebutkan beberapa jenis bahan, khususnya dari jenis herba. Sebahagian besar daripada herba ini dapat dikenali melalui nama saintifik atau istilah botani, iaitu:

1. lada sulah: lada putih, lada yang telah dikeringkan dan dibuang kulitnya (*Piper nigrum*); merica.
2. halia bara: sejenis halia (*Zingibar officinale*)
3. bawang putih (*Allium sativum*)
4. jemuju: jintan; jemuju kedua = jintan kedua: jintan putih, jintan hitam; jintan manis; jemuju khersani
5. jintan kedua: jintan putih, jintan manis
6. kunyit (*Curucuna domestica*) pelbagai jenis: kunyit terus, kunyit jawa, kunyit teras hitam; bonglai
7. temu kunci (*Gastrochilus panduratum*); jenis lain temu giring, temu hitam, temu erang, temu lawak dll.
8. lengkuas (*Alpinia galanga*); lengkuas ranting.
9. buah maja (*Aegle marmelos*); bel; bila; maja batu
10. cengkik (*Eugenia aromatica*)

11. jadam: bahan ubat, diperbuat daripada kayu gaharu daun lidah buaya
12. pasir – umumnya pasir dari sungai
13. lada: antara lain lih. lada sulah di atas
14. daun sirih (*Piper spp.*)
15. daun semeru / semberu
16. daun sembung (*Blumea balsamifera*); pelbagai jenis
17. daun mengkudu hutan (*Morinda umbellata*); pelbagai jenis: mengkudu jantan, mengkudu besar dll.
18. daun bonglai (*Zingiber cassumunar*)
19. daun cekur (*Kaempferia galanga*)
20. daun jeringau; jerangau (*Acorus calamus*)
21. air serung (tidak pasti, mungkin air suam)
22. daun tuba jenun: pohon tuba (*Derris eleptica*)
23. daun cemakian: mungkin cina maki (*Leptospermum flavescens*); gelam bukit, timur tasik.

Dalam buku *Kitab Tib* (Harun Mat Piah 2006) disebutkan lebih daripada 1,500 item yang merujuk kepada nama tumbuh-tumbuhan (pokok, pohon, herba, rumpai dan akua) yang digunakan dalam pengubatan penyakit. Nama-nama dan istilah-istilah botani yang disebut dalam kitab-kitab itu selaras dengan nama-nama saintifik yang dikenali dan digunakan secara universal.

#### SUKATAN DAN TIMBANGAN

Ciri lain yang menarik ialah pada penggunaan istilah-istilah yang merujuk kepada sistem sukatan pada banyak (jumlah) dan berat bahan-bahan. Lihat contoh di bawah:

Sebagai lagi jaram kepialu yang besar atau kepialu yang gila. Ambil daun matarjam segantang dan daun sernganga segantang dan daun cukilan segantang dan daun kemis dengan batangnya dan daun pedandang dengan batangnya, maka bahagi bubuh tiga butir pasu. Maka airnya itu beri penuh-penuh. Sudah itu maka ambil rebung pisang tembatu dan ibu kunyit barang tiga buku maka bembam, beri masak-masak dan jahar hitam maka cincang beri lumat-lumat; dan pucuk pinang tiga genggam, maka bubuh di dalam pasu itu maka jaramkan tiga hari, tiga kali sehari. Dan jagakan ubat itu; insya Allah Taala (halaman 286)

Dalam petikan-petikan di atas disebutkan beberapa kaedah sukatan dan timbangan, iaitu *ling* (seling = setengah cupak); segantang (empat cupak), tiga butir pasu, tiga buku rebung pisang tembatu, tiga genggam pucuk pinang, jaramkan tiga kali sehari selama tiga hari.

Sistem timbangan dan ukuran lain dinyatakan di bawah:

1. *biji* - sebiji, tiga biji, sepuluh biji: bagi yang berbutir-butir seperti lada, beras, biji sawi, telur ayam, buah langsung, buah pala dll.
2. *ulas* - seulas, tiga ulas: bawang putih, bawang merah, buah jemekian.
3. *hiris* - sehiris, tiga hiris: halia, temu, bawang putih, bawang merah, birah, bonglai, umbi pandan, lenggundi, daun inai, lengkuas dll.
4. *helai* - sehelai, tiga helai, tujuh helai: pucuk bayam langit, hempedu tanah, sirih bertemu urat dll.
5. *kuntum* – sekuntum, tiga kuntum: bunga-bunga, termasuk bunga cengkih, bunga lawang
6. *cekak* - secekak, tiga cekak; secekak telunjuk: bayam pasir, maman
7. *jemput* - sejemput, tiga jemput; sejemput jari manis: jintan hitam, beras, garam, jaha, pulut hitam, jemuju kersani, ubat dimakan tiga jemput hujung jari
8. *genggam* - segenggam, dua genggam; segenggam erat: beras, daun jawi-jawi, kelempayan, pucuk pinang, daun sena, cengkih dll.
9. *pengapit* – sepengapit: herba, daun, akar
10. *lapis* – tiga lapis: daun pisang, kain pembalut
11. *kepul* - sekepul, tiga kepul: beras dan bijirin lain
12. *cupak* – setengah cupak, secupak, tiga cupak: bawang putih, cuka menahun, kunyit, mumba, daun limau kapas, air madu.
13. *gantang* - segantang, tiga gantang: lada hitam, air (barang lima gantang), manisan dua gantang, dll.
14. *cawan* - secawan, tiga cawan: air, manisan, halia, susu, cabai, daun gandarusa, santan nyir hijau, jintan putih, minyak sapi dll.
15. *kulit telur* - sekulit telur; tiga cawan kulit telur; sesukat kulit telur: kuning telur, sunti halia, lada sulah, beras (setengah kulit telur), kunyit, bawang merah, pati santan, minyak sapi dll.
16. *arai* - searai, tiga arai: air, manisan, susu kerbau, minyak lenga dll.
17. *mangkuk* – semangkuk, tiga mangkuk: air, manisan, madu lebah
18. *buyung* – sebuyung: air untuk merebus keping - sekeping, tiga keping: halia bara, halia putih buku – sebuku, tiga buku: garam, kunyit, bawang merah,
19. *kupang* - sekupang, tiga kupang (sukatan berat): emas, perak, mutiara, celak hitam, mutia (batu celak yang putih), minyak sapi.
20. *emas* – seemas, dua emas: lada sulah, adas



- pedas, biji sawi, lengkuas cina, cabai, pucuk, biji sawi, kemukus, kulit manis jawa, dll.
21. *ringgit* - seringgit, tiga ringgit
  22. *tali* - setali, tiga tali
  23. *dinar* - sedinar, tiga dinar emas
  24. *derham* - satu derham, tiga derham tahlil - setahlil, enam tahlil: daun angka, akar tuhcih, akar putarwali, cendana, mustakim, air bunga serba bunga, jintan hitam dll.
  25. *Paun* –sepong (sepaun), tiga pong (tiga paun): majun (makan sepong-sepong).
  26. *Paha* – sepaha (sesuku)
  27. *kati* – sekati, tiga kati: bawang putih, minyak sapi dll.
  28. *kati* – *sekati emas*: harga (adapun harga ubat ini sekati emas) (rujuk harga cula yang dibeli oleh bapa Bendahara Seri Nara Diraja dalam *Sejarah Melayu*)
  29. *saga kenderi* - lima belas saga kenderi, enam puluh se saga kenderi: rumput ekor tupai, cendana, halia, akar bayam, terung pipit dll.

#### PEMILIHAN ITEM YANG RELEVAN DENGAN MASYARAKAT SEMASA

Terdapat teks yang membicarakan penyakit dan rawatan yang dirasakan tidak relevan dalam konteks masyarakat dan perkembangan semasa. Misalnya penyakit-penyakit yang seluruhnya dihubungkan dengan makhluk halus, hantu, jin, pelesit, langsuir dan lain-lain. Kaedah rawatannya juga melalui jampi dan mantera yang sedikit sekali mengandungi unsur islamik. Bahan-bahan yang digunakan sebagai ramuan ubat juga agak pelik, malah menjijikkan. Diberikan sedikit contoh:

Mantera hambat sekalian jin untuk pengubatan penyakit puru

*Ini doa hambat sekalian jin.*

Bismillah al-Rahman al-Rahim

Permulaan kata aku menyatakan  
Hakikat jin seribu empat puluh dua lagi  
Aku tahu akan asal dirimu  
Asal dirimu jadi di huruf Alif  
Mu keluar di cahaya yang kelam  
Aku keluar di cahaya yang cerah  
Mu jijak di bumi setengah qadam  
Aku bangkitkan di tiang arasy  
Dengar-dengar engkau rupa sia Allah  
Ku tak pinah dengan nama Allah  
Pinah ke langit seribu jadi  
Turun ke laut seribu nama

Naik ke udara seribu jadi  
Sifat kamu begini  
Engkau kupandang  
Jika engkau lihat buta matamu  
Jika engkau dengar tuli telingamu  
Dengar, dengar aku sumpah penapi Allah  
Qana lillah; insya Allah; Allahu Akbar.  
Dengan berkat Lailaha illallah.

Dari teks yang sedang diselenggarakan bersama Dewan Bahasa dan Pustaka (belum dipastikan sumbernya) dipetik sedikit contoh:

Bab ini hikmat daripada bandanggabu (?) perkasih lagi menaklukkan segala manusia menghukumkan segala seterusnya dan sahabat dan sahaya kita kasih mesra akan kita; hikmat ini baik, jangan diajarkan pada orang. Pada hari Ahad ambil kuku kaki tangan kedua; pada hari Isnin ambil tahi lidah dan tahi hidung dan tahi mata dan tahi telinga; pada hari Selasa ambil daki ambil daki pusat; pada hari Arbaa ambil daki diri kita; pada hari Khamis ambil mani; pada hari Jumaat ambil daki ubun-ubun; pada hari Sabtu berbuat dia, campurkan dengan tanah liat berat sepaha dan kapur berat sepaha dan tepung berat sepaha maka keringkan, taruh baik-baik. Jika hendak diberikan makan, ambil sedikit; terlalu mustajab pada hamba orang.

Bab ini hikmat hamba orang atau budak yang baharu ditebus supaya jangan lari; pasung tiga hari tiga malam; maka ambil tanah yang kena titik hujan dan anak tangga yang di bawah sekali dan abu dapur yang dibawah tungku atau hati dapur dan kuku kaki tangan sekalian maka berlimaulah kita dengan limat atau berlulur; jika ada bini(?) diajak bersama-sama. Maka tadah air daki itu, heningkan ambil dakinya maka campurkan dengan sekalian itu maka beri makan tiga pagi, insya Allah tiada ia lari, mustajab.

Contoh-contoh di atas dianggap kurang relevan dengan kehendak dan perkembangan semasa. Pertama dalam konteks sosial masyarakat masa kini golongan hamba, abdi sahaya, jariah dan sebagainya telah tidak ada; demikian juga dalam aktiviti berladang dan bercucuk tanam, penggunaan cuca dari jampi dan mantera untuk mengelak gangguan makhluk perosak tidak lagi relevan, kerana para petani mempunyai pilihan yang lebih praktikal. Kedua, bahan-bahan yang digunakan untuk tujuan tersebut dirasakan tidak sesuai, malah kotor, najis, malah haram dari segi Islam, misalnya haiwan seperti katak, ular, hempedu sawa, hati landak dan sebagainya tidak dinyatakan setelah disembelih secara syarii; selain haiwan tersebut dianggap haram.

Sehubungan di atas, pemilihan manuskrip yang sepatutnya diutamakan, juga bahan-bahan yang disebutkan di dalamnya perlu di pertimbangan. Sebagai contoh, teks-teks yang membicarakan khasiat bahan-bahan secara berasingan seperti yang

disebut dalam *Hikayat Nurul Lisan Menjawab Masalah* itu (Harun Mat Piah 2006) dirasakan lebih baik untuk dikemukakan kepada khalayak masa kini. Sementara penggunaan bahan-bahan dan herba yang umum di pasaran, seperti buah peria, mengkudu, misai kucing, tongkat ali dan lain-lain merupakan fenomena semasa. Dikemukakan dua contoh di bawah ini dipetik daripada teks berkenaan:

(Kata tabib), “Daripada *hardal*” (biji sesawi). Jawabnya “Panas kering darjahnya dan penggunaannya menghancurkan balgham dan menumbuhkan rambut dan menghilangkan segala bengkak dan penyakit kedal dan menambahi kuat syahwat dan jika ditumbukkan dia dan diciumkan dia nescaya menggerakkan bersin dan jika dimakannya nescaya menghilangkan bengkak lidah dan jika dibarutkan dia kepada sopak nescaya hilanglah; dan buihnya menghilangkan busuk hidung dan jika selalu diminum air rebusannya nescaya menghilangkan mata yang tiada melihat malam dan jika dilumurkan debunya kepada muka nescaya molekan mukanya”.

(Kata tabib), “Daripada bunga *babasa*” (bunga pala). Jawabnya, “Panas kering darjahnya dan penggunaannya memberi kuat akan paru-paru dan menghilangkan lendir di dalam perut dan jika diminum akan dia dan ditempek akan perut nescaya mengecutkan dia dan memberi baikk hati yang sejuk dan ubat penyakit tumpat hidung dan berhingus dan bengkak kembang (dan) jika dimakan dan ditempek kepada ari-ari dan perut nescaya memberhentikan bertitik air kencing dan jika ditempek pada tundun nescaya tiada kencing pada tempat tidur”.

(Kata tabib) “Daripada piun” (candu). Jawabnya, “Sejuk kering darjahnya; dan penggunaannya memberi khayal dan melalaikan daripada merasa sakit dan mengurangkan akal dan faham; dan jika diminum oleh yang cerah memulas akan air rebusannya”.

(Kata tabib), “Daripada *khasyhasy*” (biji piun). Jawabnya, “Sejuk kering darjahnya dan penggunaannya jika diminum air rebusannya oleh cerah memulas nescaya berhenti ia dan jika diminum oleh yang cerah kedarah akan air rebusannya nescaya berhenti ia dan menghilangkan ia akan batuk / (52) jika diminum air rebusannya atau dimakannya; dan jika dibubuh ke dalam kualiti atau rebus daging yang keras nescaya lembut ia dan menjemukan daging itu daripada memakannya, yakni tiada banyak memakan daging yang dicampurkan dengan biji piun itu”.

(Kata tabib), “Daripada *mustaki*” (getah kayu bertungka, warnanya kuning). Jawabnya, “Panas kering darjahnya; dan kata hukama, panas basah. Dan penggunaannya menghancurkan balgham dan angin dan jika selalu memakannya nescaya memusakai ingat dan hafaz dan jika dimakan dan ditempek oleh yang senak perut yang bersangatan cucuknya nescaya berhenti ia dan jika dipermasuk ke dalam faraj (kemaluan) nescaya sebat ia yakni tiada berair dan jika dimamah akan dia nescaya tiada meleleh air liurnya pada luar mulutnya dan *mustaki* itu *mustikam* pun namanya”.

(Kata tabib), “Daripada *laban al-rakar*” (getah kayu yang tuha daripada *mustaki*). Jawabnya, “Darjahnya demikian juga; dan penggunaannya jika selalu memakannya nescaya menegah akan lupa dan memudahkan hafaz dan segera faham dan menguatkan gigi dan ia ubat membaiki tulang yang pecah dan menghilangkan bengkak hati dan jika dimakan dua

derham beratnya nescaya menghilangkan ia akan sakit terkena pukul umpamanya cemeti dan ubat menahankan darah yang keluar dan jika dicelak mata dengan dia nescaya menambahi cahaya mata dan jika dimakannya nescaya menghilangkan basah pada kepala dan menghilangkan angin dan memutuskan balgham dan membaiki demam yang jadi daripada balgham (dan) kata Saiyyidina Abdullah anak Abas, ‘lazimkan olehmu dengan kandar, iaitu getah laban ditaruhkan dia di dalam air pada malam dan diminumkan daripada pagi sebelum makan sesuatu makanan, nescaya menegahkan terlupa dan memberi ingatan dan faham (dan) jika dimakannya nescaya hilang cerah memulas yang daripada sejuk”.

(Kata tabib), “Khabar kepada aku daripada qasat” (pucuk). Jawabnya, “Panas kering darjahnya dan penggunaannya jika dimakan dan ditempek nescaya menghuraikan segala angin dan menyembuhkan penyakit yang jadi daripada lemak dan jika dimakan dan ditempek nescaya mengeluarkan yang kotor-kotor di dalam perut dan ubat penyakit yang turun air daripada otak”.

(Kata tabib), “Daripada ‘afas” (buah manjakani). Jawabnya, “Sejuk daripada darjah yang kedua dan kering pada darjah yang ketiga. Dan penggunaannya mengeluarkan lendir-lendir di dalam faraj (kemaluan) dan sangat memberi manfaat bagi perempuan dan jika ditempekkan dia dan dilumur kepada tempat yang kena api nescaya manfaat ia dan menghilangkan gatal mata”.

(Kata tabib) “Daripada *asal*” (air madu). Jawabnya, “Panas basah darjahnya; dan penggunaannya menghilangkan balgham dan memberi kuat akan paru-paru dan menghilangkan lendir di dalam perut (dan) firman Allah Taala (*Yakhriju man batunaha syaraba mukhtalifa al wanahu piha syafaa lil-nas*) maknanya keluar daripada perut madu itu berlenang-lenang warnanya adalah di dalamnya membaiki badan segala manusia. Dan sabda Rasulullah, memberi bakt pada air madu dan adalah di dalamnya membaiki segala penyakit dan telah memberi bakt akan dia tujuh puluh orang nabi (dan) jika dicelak mata dengan dia / (53) nescaya mencerahkan mata dan jika menggonyoh gigi dengan dia nescaya menahankan bengkak gusi dan kuat gigi dan jika selalu diminumkan dia nescaya tiada mudarat daripada segala bisa racun dan jika selalu diminumkan dia nescaya menghilangkan segala penyakit yang tiada perasaan sepanjang-panjang badan dan jika dimasukkan dia ke dalam faraj perempuan dengan hempedu lembu jantung nescaya keluar anak yang mati di dalam perut dengan mudahnya dan jika selalu meminumkan dia nescaya panjang umurnya dan jika seseorang terkena racun atau daripada bisa racun binatang hendaklah diminumkan dia jangan berhenti nescaya tiada mudarat oleh racun itu.

(Kata tabib) “Daripada *qarnafal*” (bunga cengkih). Jawabnya, “Panas kering darjahnya; dan penggunaannya membaiki bahu mulut dan mencerahkan mata dan menegah daripada berselaput mata dan menahankan muntah dan luyar (loya) dan jika ditumbukkan dia dan dibubuh kepada kepala nescaya memberhentikan bersin dan jika dimasukkan dia ke dalam faraj perempuan nescaya menghilangkan kembang peranakan”.

(Kata tabib), “Daripada *bazinjan*” (buah terung). Jawabnya, “Panas kering darjahnya dan penggunaannya ubat penyakit keluar darah. Dan sabda Rasulullah, ‘makan olehmu akan terung; kerana bahawasanya ialah permulaannya pohon kayu yang memperiman kepada Allah Taala’. Maka kata setengah ulama iaitu terung merah yang buahnya seperti buah

kecupu dan terung hitam dan terung putih yang buahnya panjang itu jika dimakan akan dia nescaya mempusakai jahat fikiran dan menjadi penyakit suda dan tersumbat segala lubang urat dan menghitamkan kulit dan menjadi bertompok-tompok hitam pada muka dan sakit kepala dan gatal dan burut (besar batu zakar); dan kata hukama, jika dimakan dengan minyak sapi dan rempah-rempah maka terkurang maka terkurang bisanya. Maka itfak segala hukama bahawasanya terung hitam dan putih dan hijau dan kuning yang panjang buahnya maka iaitu ada baginya jahat tabiatnya.

(Kata tabib), “Daripada *salit* dan *samsim*” (dua ini nama bagi lenga). Jawabnya, “Panas basah darjahnya dan penggunaannya menambah mani dan ubat penyakit suda dan ubat penyakit dada dan menghilangkan kesat di dalam leher dan jika dibarut dengan dia kepada tempat yang terkena pukul nescaya menghilangkan biru bekasnya itu dan jika diminum akan minyaknya dua upih (dua tahlil) beratnya nescaya menghilangkan bisa racun dan minyaknya itu pekembangkan maadah jika meminumnya. Dan jika selalu minumkan dia atau makannya nescaya binasa otak dan jika diulikan tepung gandum serta bawang merah dan dibakarkan dia dan dimakamkan dia nescaya afiat otak yang bunasa itu”.

(Kata tabib), “Daripada *batil*” (bawang merah). Jawabnya, “Panas basah darjahnya; dan penggunaannya membaik akan tabiat dan memerahkan warna kulit dan memolekkan dia dan mengisap darah pada luar jasad dan menambahkan pada jimak serta membukakan syahwat jimak dan mencerahkan mata dan menghancurkan balgham dan angin-angin dan menghancurkan makanan dengan segera dan / (54) menghilangkan selsema. Dan sabda Rasulullah, ‘apabila masuk kamu pada satu negeri atau takut akan dianya, maka hendaklah makan olehmu akan bawang merah’. Dan jika dititik airnya ke dalam telinga nescaya hilang tuli atau berdengung dan jika dibakar akan dia dan dimakan akan dia nescaya hilang segala bagai batuk dan jika dicitumkan dia selalunya nescaya tiada mengenai penyakit wabak iaitu dengan perang dan terbuka beberapa kubur. Maka umum penyakit seperti demam dan ketumbuhan dan cerah muntah dan ta’un dan terkadang mengenai akan binatang seperti lembu dan ayam dan itik dan mengenai akan tumbuhan maka bisa ia. Dan isinya panas kering dan penggunaannya menggerak akan syahwat jimak daripada orang yang penyakit sejuk”.

Dari petikan di atas dapat disenaraikan herba dan bahan-bahan lain yang dirujuk bersama khasiat dan kandungannya untuk pengubatan dan pemakanan, antaranya:

hardal (biji sawi), bunga babasah (bunga pala), piun, apiun (candu), mustaki dan laban al-rakar (kedua-duanya daripada jenis getah), afas (buah manjakani), qarnafal (bunga cengkih), dan bati (bawang merah). Kebanyakan bahan-bahan ini digunakan dalam pembuatan ubat-ubat dan bahan-bahan makanan tambahan yang terdapat di pasaran masa kini. Satu bentuk kajian atau pemerhatian wajar dilakukan untuk menilai atau mengabsahkan penggunaan masa kini itu dengan yang dinyatakan dalam teks ini, juga dalam teks-teks lain dalam korpus ilmu perubatan Melayu tradisional ini. Sesungguhnya kajian dan penyelidikan seperti ini telah dilakukan oleh para sarjana di beberapa buah institusi dan universiti, termasuk FRIM (Institut Kajian Perhutanan Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan lain-lain. Kajian dan penyelidikan itu telah

berjaya dalam mencapai matlamatnya; cuma bahan-bahan dan herba yang digunakan sebagai sample dalam penyelidikan itu diambil dari sumber-sumber lain, tidak dari naskhah-naskhah lama Melayu yang telah pun wujud lebih 100 tahun itu. Semoga fenomena ini akan dipertimbangkan untuk projek-projek penyelidikan yang akan datang.

## SARANAN

Berdasarkan perbincangan di atas dikemukakan sedikit saranan untuk, mengekal dan mempertingkatkan mutu ilmu-ilmu itu sesuai dengan perkembangan dan keperluan semasa. Pertama ialah dengan menyebarkan maklumat mengenai ilmu-ilmu ini terutamanya ilmu perubatan yang diperluaskan daripada naskhah-naskhah lama ini kepada seluruh masyarakat termasuk pengguna, pengamal, pembuat dan pengeluar ubat-ubatan, pengkaji, penulis dan pelajar. Penyebaran maklumat meliputi penerbitan buku, majalah, jurnal dan sebagainya, juga dalam bentuk elektronik melalui laman web, internet dan sebagainya. Hasil dari usaha itu dapat mengembalikan fungsi teks-teks ini yang telah digunakan sebagai manual dan rujukan oleh para pengguna, tabib dan dukun dalam zaman-zaman berkenaan

Kedua, ialah mengadakan teks-teks ilmu ini untuk dikaji oleh para penyelidik dari bidang-bidang berkenaan termasuk sains perubatan, kimia, biologi, farmakologi, botani dan lain-lain. Dalam masa-masa kebelakangan ini bidang perubatan tradisional khususnya pada penggunaan herba dan ramuan tradisional telah berkembang pesat dengan skop dan pemasaran yang luas. Ada pendapat yang meramalkan bidang perubatan tradisional akan memberikan pulangan ekonomi yang tinggi di semua peringkat termasuk dunia antarabangsa.

Ketiga, dengan menghasilkan teks-teks dalam bahasa yang mudah, jelas dan dapat difahami oleh generasi masa kini, justeru setakat ini bentuk wacana dan kosa kata yang digunakan agak sukar difahami malah tulisan jawinya juga mungkin buruk dan sukar dibaca, Istilah-istilah tradisional misalnya dalam aspek sukatan dan timbangan, agakan waktu berdasarkan matahari dan lain-lain perlu dijelaskan secara saintifik dan praktikal. Diberikan sedikit contoh di bawah, dalam memberikan instruksi untuk rawatan penyakit angin sanglar di atas tadi, jika dianalisis memberikan langkah-langkah seperti berikut:

Kumpulkan semua ramuan untuk ubat minum

1. Semua ramuan itu direbus
2. Airnya diberi minum kepada pesakit
3. Sediakan ramuan untuk ubat demam
4. Hiris ramuan itu lumat-lumat
5. Goreng beri panas
6. Bungkus dengan kain putih
7. Selimutkan pesakit dengan selimut, tujuh lapis
8. Tuamkan bungkus ubat itu ke atas tubuh pesakit sampai ia berpeluh
9. Sediakan ramuan untuk ubat mandi
10. Rebus ramuan itu
11. Biarkan air rebusan itu hingga pesam kuku
12. Mandikan pesakit dan
13. Berserah kepada Allah Taala tanpa syak

Keempat, sepertimana yang diusulkan oleh seorang peserta seminar ini, supaya dapat dibangunkan satu pangkalan data merangkumi maklumat mengenai sumber dan perbahanan, termasuk dari korpus naskhah-naskhah lama ini, maklumat mengenai jenis penyakit, ubatan dan ramuan, hampir menyamai ensiklopedia; bukan sahaja untuk maksud penyelidikan tetapi juga sebagai usaha pelestarian dan pengekalan khazanah dan warisan tamadun bangsa.

Memang telah dilakukan pelbagai usaha yang dibuat untuk maksud tersebut oleh beberapa institusi, sejak sedekad yang lalu, namun masih belum menampakkan hasil yang meyakinkan. Dalam perkembangan terbaru juga terdapat usaha untuk menjalankan kajian dengan penglibatan pelbagai pakar, dalam sains perubatan, kimia, fizik, bio-kimia, botani dan lain-lain dalam usaha mempertingkatkan penggunaan ilmu-ilmu ini dalam kehidupan masyarakat semasa. Mudah-mudahan maksud itu akan tercapai; dan sebuah institut di sebuah universiti penyelidikan, seperti ATMA Universiti Kebangsaan Malaysia mungkin dapat merealisasikan impian ini. Insyaa-Allah.

PROJEK PENERBITAN BUKU: *EDISI  
DAN KAJIAN TEKS KITAB TIB VERSI  
TERENGGANU*

Dr. Harun Mat Piah

TEKS KITAB TIB VERSI TERENGGANU

Manuskrip ini diberi judul “Ubat Tradisional” oleh

penyalin atau pemilik koleksi, kerana judul tersebut tidak terdapat di dalam teks. Dari segi isi dan kandungan juga ciri-ciri “ilmu” yang dikemukakan tetap utuh sepertimana dalam teks-teks kitab tib yang lain. Teks ini juga memperlihatkan kesinambungan tradisi penulisan dan penyalinan manuskrip Melayu. Pertama dari segi tulisan, menampakkan penyalinnya seorang “pangsura” profesional, melalui tulisannya yang cantik, mudah dibaca dan konsisten dari isi dan awal hingga akhir. Kedua, dari segi mengekalkan kesilapan yang terdapat dari naskhah asal, misalnya perkataan-perkataan yang tertinggal, salah eja atau tidak dapat dibaca. Ini menunjukkan penyalin adalah pengumpul atau penyalin profesional yang tidak semestinya seorang pengamal perubatan, bomoh atau dukun yang menggunakan teks ini sebagai manual atau rujukan dalam kerjayanya.

Teks ini adalah milik Muzium Negeri Terengganu, tetapi tidak mempunyai maklumat lain, katalog atau sebagainya; kerana yang ada pada penulis merupakan salinan fotokopi. Manuskrip bersaiz kuarto dengan rangka halaman berukuran 12 x 21 cm. mengandungi 316 halaman, 21 baris per halaman, purata 15 perkataan per baris. Jumlah halaman termasuk halaman kulit yang dihiasi lukisan dengan imej flora atau herba, dalam rangka berupa awan larat dan imej-imej geometrikal yang indah. Hiasan ini ternyata baharu, tidak terdapat dalam teks-teks ilmu perubatan atau kitab-kitab tib tradisional yang telah dikaji penulis setakat ini. Suatu keistimewaan teks ini, ialah idea mengumpul dan membicarakan sesuatu jenis penyakit dalam satu bab, diikuti penyakit lain dalam bab yang lain. Pembahagian dan urutan bab ini disenaraikan dalam fahasat di halaman awal teks. Tradisi ini agak jarang ditemui dalam teks-teks kitab tib yang awal yang biasanya tidak menyertakan fahasat dan membicarakan penyakit-penyakit itu tidak tersusun menurut jenis atau bentuk rawatan.

Dari segi penggunaan bahasa, teks ini menampakkan ciri-ciri dialek Terengganu terutama pada perkataan-perkataan yang berakhir dengan konsonan n, m dan ng; demikian juga pada menggugurkan bunyi konsonan-konsonan itu di tengah beberapa perkataan. Misalnya beberapa contoh di bawah:

Rendang untuk rendam  
rendam → rendang  
pinggang → pinggan  
bayang → bayam  
bayang → bayang

patang → pantang  
 mekudu → mengkudu  
 mutah → muntah  
 patat buyung → pantat buyung  
 dan beberapa yang lain

Selain daripada itu penggunaan ungkapan dan laras bahasa, istilah dan formula, secara umum dapat dikatakan sama seperti lain-lain teks dalam subgenre ini. Misalnya:

- air benar – air biasa, bukan air madu, air panas atau air embun
- air bermalam – air yang disimpan semalaman
- cuka menahun – cuka yang lama, berusia bertahun-tahun
- gaharu tenggelam – kayu gaharu yang lama terendam di dalam air, sungai atau tasik
- kepialu kedalaman – demam kepialu yang kesannya dirasai di dalam tubuh
- demam tiada berkebah – demam yang berpanjangan

#### ISI KANDUNGAN

Teks “Ubat Tradisional” Terengganu ini hanya membicarakan satu bab atau satu fasal sahaja, iaitu penyakit-penyakit biasa dan kronik, bersama ubat dan rawatannya. Dalam menghuraikan penyakit-penyakit ini dimasukkan juga penyakit yang dihubungkan dengan gangguan syaitan dan sebagainya; iaitu tidak dalam fasal-fasal tersendiri seperti dalam beberapa manuskrip lain. Jenis-jenis penyakit yang dibicarakan dalam teks Terengganu ini dapat dilihat dari senarai yang diberikan dalam “faharasat” atau isi kandungan teks tersebut yang dipetik di bawah ini:

- Hal. 1 Bab pada menyatakan ubat kulit  
 hayam atau badam  
 8 Bab pada menyatakan ubat cericik  
 9 Bab ini menyatakan penyakit restung  
 15 Bab pada menyatakan ubat luka  
 18 Bab pada menyatakan ubat kurap  
 22 Bab pada menyatakan ubat kayap  
 23 Bab pada menyatakan asal penyakit  
 sembelit  
 33 Bab ini pada menyatakan ubat tiada boleh  
 ke sungai  
 38 Bab pada menyatakan ubat cacing seperti  
 benang  
 41 Bab pada menyatakan ubat mengeluarkan

- balgham  
 51 Bab ini pada menyatakan kukuh gigi  
 Bab pada menyatakan ubat sakit naik  
 serawan  
 70 Bab ini pada menyatakan mulut berbau  
 busuk  
 72 Bab pada menyatakan sakit medu  
 88 Bab pada menyatakan ubat sakit mata  
 93 Bab pada menyatakan ubat sanglar  
 namanya  
 135 Bab pada menyatakan ubat barah batu di  
 dalam dada  
 150 Bab pada menyatakan ubat penyakit di  
 dalam telinga  
 154 Bab penyakit di dalam leher atau kanan  
 pipi atau kiri pipi  
 158 Bab pada menyatakan ubat sapan  
 166 Bab ini menyatakan ubat sakit kepala  
 169 Bab pada menyatakan ubat pitam  
 171 Bab asal sedung  
 175 Bab pada menyatakan ubat orang gila  
 179 Bab pada menyatakan asal pirai senak  
 185 Bab pada menyatakan haus air sangat  
 gerahnya  
 187 Bab ubat sedu tiada dengan sebab  
 188 Bab pada menyatakan ubat penyakit  
 wasir  
 191 Bab ini pada menyatakan ubat membuka  
 nafsunya  
 193 Bab pada menyatakan letih lesu  
 199 Bab pada menyatakan ubat penyakit di  
 dalam perut  
 210 Bab pada menyatakan ubat sakit perut  
 229 Bab pada menyatakan mengenal penyakit  
 mising  
 240 Bab pada menyatakan ubat sawan  
 270-309 Bab pada menyatakan penyakit  
 kepialu

Teks ini berakhir di halaman 311, tetapi halaman 310 dan 311 merupakan catatan tambahan; bukan sebahagian daripada keseluruhan teks ini.

Teks ini mempunyai persamaan dengan lain-lain teks kitab tib yang tipikal dalam beberapa aspek seperti yang dinyatakan di bawah:

- (a) dalam rawatan penyakit, misalnya untuk penyakit cericik  
 Bab pada menyatakan ubat cericik pada barang di mana tempat. Ambil akar rembiga dan isi gadung dan keladi puyuh dan lekir hutan sekalian itu sama timbang maka

bakar beri jadi habu maka bubuh pada suatu bekas. Ambil lada sulah, rendang hingga kuning juga; akan beratnya lada itu beri sama dengan dahulu juga. Sudah itu maka giling lumat-lumat, hancurkan dengan minyak maka gosokkan pada cericik itu; segeralah hilang, aflat.

Sebagai lagi ubat cericik, ambil buah mendarahan dan kulit asam jawa dan tersi, maka perlumat-lumatkan semuanya itu, campur dengan minyak nyiur baharu, maka pudu beri mesra-mesra, masakkan; sudah, maka sejukkan, maka bubuh pada cericik itu, aflat (hlm.8)

(b) Penggunaan bahan-bahan ubatan

Teks ini juga menggunakan bahan-bahan yang kebanyakannya disebut dalam teks-teks kitab tib yang lain, misalnya untuk penyakit angin sanglar digunakan lada sulah, halia bara, bawang putih, jemuju, kunyit temu kunci lengkuas buah maja cengkik, jadam, lada, daun sirih dan lain-lain

(c) Sukatan dan timbangan

Terdapat penggunaan berbagai sistem sukatan pada banyak (jumlah) dan berat bahan-bahan, antaranya:

**cawan** - secawan, tiga cawan: air, manisan, halia, susu, cabai, daun gandarusa, santan nyir hijau, jintan putih, minyak sapi dll.

**kulit telur** - sekulit telur; tiga cawan kulit telur; sesukat kulit telur: kuning telur, sunti halia, lada sulah, beras (setengah kulit telur), kunyit, bawang merah, pati santan, minyak sapi dll.

**arai** - searai, tiga arai: air, manisan, susu kerbau, minyak lenga dll.

**mangkuk** – semangkuk, tiga mangkuk: air, manisan, madu lebah

**buyung** – sebuyung: air untuk merebus

**keping** - sekeping, tiga keping: halia bara, halia putih

**buku** – sebuku, tiga buku: garam, kunyit, bawang merah,

**kupang** - sekupang, tiga kupang (sukatan berat): emas, perak, mutiara, celak hitam, mutia (batu celak yang putih), minyak sapi.

**emas** – seemas, dua emas: lada sulah, adas

(d) Pantang larang

Maksud “pantang larang” ialah sekatan atau larangan daripada melakukan perkara-perkara yang boleh menjejaskan matlamat pengubatan. Melanggar pantang merupakan

suatu yang berat yang boleh menyebabkan pengubatan tidak berkesan, malah boleh memberikan padah atau keburukan yang tidak diinginkan. Paling kurang, gejala dari melanggar pantang ialah “bentan”, lebih berupa alahan yang dapat diubati agak mudah; misalnya pesakit jangan melakukan kerja berat, memakan makanan berbisa atau mengelakkan panahan cahaya matahari.

Antara pantang larang yang umum dalam teks ini dan di tempat lain adalah seperti di bawah:

- Bagi demam kepialu, jika laki-laki jangan diberi perempuan menjamah tubuhnya; dan jika perempuan janganlah diberi laki-laki menjamah tubuhnya.

- Bagi demam kepialu juga pantangnya jangan makan atau minum air nyiur, jelai, daging kerbau, buah terung, buah betik, buah kerakap, buah macang, buah nangka dan semua buah yang berbisa; dan tiada boleh sekali-kali memakan tebu; jika hendak juga dimakan, maka hendaklah dibakar dahulu, kemudian dibasuh baharulah diberi makan.

- Bagi sakit hulu hati, pantangnya segala asam dan lemak manis dan segala yang hanyir-hanyir, semuanya tiada boleh dimakan.

- Untuk sakit medu yang sakit hulu hati dan perut, pantangnya jangan makan asam garam; dan dengan perempuan jangan jimak.

- Bagi penyakit wasir (buasir), atau karang, atau sahaja-sahaja keluar darah dari tubuhnya, pantangnya segala daging jangan dimakan.

## KESIMPULAN

Teks Kitab Tib versi Terengganu ini dapat dianggap mewakili teks-teks kitab tib lain yang kebanyakannya menumpu pada penyakit-penyakit kronik, biasa dan hidapan, termasuk MSS 2515 Perpustakaan Negara Malaysia yang dijadikan dasar dalam penulisan buku *Kitab Tib Ilmu Perubatan Melayu* (Harun Mat Piah 2006) itu. Melalui edisi ini nanti pemahaman terhadap tradisi dan cara persembahan kitab-kitab tib Melayu akan lebih jelas, seterusnya menambah maklumat dan pengetahuan dalam bidang ini. Sehingga ini sekitar 160 halaman teks

telah ditransliterasikan dan dijangka dapat disiapkan sepenuhnya sekitar akhir September 2012.

#### NOTA

\*Makalah ini telah dibincangkan dalam majlis Wacana Ilmu di Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, 26 Jun 2012.

#### RUJUKAN

- Abdul Razak Abdul Karim. 2008. *Kitab Tib Pontianak - Kajian dari Segi Laras Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abdul Samad Ahmad. 1983. *Warisan Perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ding Choo Ming. 2002. Khatijah Terong dengan karyanya Perhimpunan Gunawan Bagi Laki-Laki dan Perempuan. *Jurnal Filologi Melayu* 10: 19-33.
- Harun Mat Piah. 2006. *Kitab Tib – Ilmu Perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Mohd. Hilmi Bin Abdullah. 2006. *Tatacara Penjagaan Kesihatan Menurut Ibnu Sina*. Kota Bharu, Pustaka Hilmi.

Harun Mat Piah  
Alamat??  
E-mail: hmpiah@yahoo.com

